

# Banjir: Kerajaan rugi RM1.5 bilion

Kasmo 30/1

PUTRAJAYA - Kerajaan kerugian RM1.5 bilion akibat banjir yang melanda negara dalam tempoh dua bulan ini, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, jumlah kerugian itu membabitkan akaun kerajaan sahaja dan tidak termasuk kerugian pe-

ribadi dan komersial.

"Perbelanjaan dari akaun kerajaan itu adalah untuk membaiki pulih kerosakan kemudahan awam dan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengerurusan Bantuan dan Bencana

Pusat, di sini.

Seramai 148,000 orang dipindahkan apabila banjir melanda negara mulai 18 Disember lepas, dan 134,000 pula dipindahkan semasa gelombang kedua banjir pada 12 Januari, dengan Johor merupakan negeri yang paling teruk dilanda banjir.